

10 October 2010

**UCAPAN ALU-ALUAN DARI ENCIK LEONG KING CHOON
PENGURUS BESAR, PENJUALAN DAN PEMASARAN,
HONG LEONG YAMAHA MOTOR SDN.BHD.**

**PERASMIAN PELEPASAN KONVOI YAMAHA 135 LC KE LITAR SEPANG UNTUK
MENYAKSIKAN ACARA PERLUMBAAN MOTOGP 2010**

Supt. Che Hussin Bin Haji Omar, Ketua Jabatan Ketenteraan Awam,
Ketua Trafik Negeri Selangor.

Rakan-rakan Media,
Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat pagi & selamat datang,

Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Supt. Che Hussin Bin Haji Omar kerana sudi meluangkan masa untuk merasmikan pelepasan Konvoi Yamaha 135LC pada hari ini.

Konvoi ini adalah salah satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Hong Leong Yamaha Motor sebagai aktiviti tambahan untuk menghargai para pelanggan kami. Ia juga telah menyediakan satu ruang atau platform untuk peminat Yamaha untuk bersama-sama melalui pengalaman menunggang dalam persekitaran yang selamat dan terkawal. Perhimpunan terbesar ini hanya diadakan setahun sekali dan ia sebagai salah satu peluang yang sangat berharga kepada para pemilik motosikal 135LC agar mereka dapat berkenalan di antara satu sama lain.

Saudara-saudari Yang dihormati,

Aktiviti konvoi Yamaha 135LC pada tahun ini menunjukkan penyertaan yang sangat-sangat memberangsangkan di mana kita dapat mengumpulkan sebanyak 808 peserta. Dengan ini, saya sangat berbesar hati ingin mengalu-alukan kedatangan kesemua peserta dari negeri Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dan Wilayah Persekutuan ke acara yang sungguh meriah ini.

Perlumbaan MotoGP merupakan satu testimoni yang menunjukkan kehebatan jenama motosikal Yamaha yang sangat maju dalam bidang teknologi dan inovasi, iaitu "At the Forefront of Technology and Innovation". Teknologi ini telah diterjemahkan ke dalam pembangunan dan pembuatan motosikal Yamaha tempatan, termasuklah motosikal Yamaha 135LC yang anda miliki.

Saudara-saudari Yang dihormati,

Penyertaan yang amat menggalakkan pada tahun ini menunjukkan ramai pemilik motosikal Yamaha 135LC telah turut serta.

Di sini saya mengambil kesempatan ini ingin mengingatkan saudara-saudari semua supaya sentiasa mematuhi segala aspek keselamatan dan undang-undang jalan raya ; sentiasalah berhati-hati dan sila patuhi arahan dari Marshall yang bertugas. Disiplin yang dipatuhi akan dapat menjayakan acara konvoi dengan rasa gembira dan selamat untuk setiap individu.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat jalan dan berhati-hati semasa menunggang kepada semua peserta. Semoga kita semua selamat dan sama-sama dapat menyaksikan kehangatan perlumbaan MotoGP dan sorakkan semangat keceriaan untuk kejayaan pelumba Yamaha, Rossi & Lorenzo.

Akhir kata, saya bagi pihak Hong Leong Yamaha Motor ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Polis Trafik Petaling Jaya yang bersungguh-sungguh menghulurkan bantuan dalam menjayakan konvoi Yamaha 135LC tahun ini dan terima kasih juga kepada para media, pihak pengedar motosikal Yamaha serta kerjasama yang telah diberikan oleh semua kakitangan Hong Leong Yamaha Motor yang terlibat demi menjayakan acara gemilang hari ini.

Tunggang Selamat. Jiwa Selamat

Sekian terima kasih.